



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon–calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang–bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap/Kontrak** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka**.

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
Nota : 1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Profesor / Profesor Madya / Pensyarah Kanan/ Pensyarah di Lampiran 1 .					

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UiTM

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

- (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,380.37).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah (Ph.D) (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan
2. Nama jawatan, bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
3. **Pemohon – pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas / Kelas Kedua Tinggi /Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.**
4. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
5. Borang yang tidak lengkap **tidak akan diproses**.
6. Hanya pemohon – pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
7. Pemohon – pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
8. Pemohon – pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakurkan oleh SENAT.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati di **Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka** atau boleh juga diperolehi dengan melayari laman sesawang **UiTM Cawangan Melaka** di <https://melaka.uitm.edu.my/v2/>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **08 Oktober 2020 (Khamis)**

Sila kemukakan permohonan (melalui pos) kepada :



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
PEJABAT PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

**NO.TEL : 06-5582000 / 06-5582348 /
06-5582014 / 06-5582801**

LAMPIRAN 1 :

FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN

BAGI JAWATAN PENSYARAH / PENSYARAH KANAN/ PROFESOR MADYA / PROFESOR

FAKULTI	BIDANG
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media	Kewartawanan
	Komunikasi Liberal